

29 JUN 2000

OIC-Kuasa/I

NEGARA-NEGARA ISLAM BOLEH MENJADI KUASA DISEGANI

KUALA LUMPUR, 29 Jun (Bernama) -- Tiada sebab mengapa negara-negara Islam secara kolektif tidak boleh menjadi kuasa yang disegani kerana tiada kekurangan pada mereka dan sebaliknya kaya dengan sumber, pengalaman, dan pengetahuan, kata Aqeel A. Al-Jassem, Setiausaha Agung Dewan Perniagaan dan Industri Islam (ICCI).

"Kita mempunyai negara-negara Islam yang telah jauh maju. Negara ini, Malaysia, di bawah kepimpinan dinamik Dr Mahathir Mohamad mengambil segala usaha bagi membangunkan ekonominya," kata beliau.

Aqeel berkata demikian dalam ucapannya di perasmian Pameran Islam Global Malaysia 2000 yang bermula hari ini dan akan berakhir pada 2 Julai. Ia diadakan sempena sesi ke 27 Persidangan Menteri Luar Negara-negara Islam (ICFM) di sini.

Beliau berkata, pada ketika ekonomi global bergerak ke arah peliberalan perdagangan yang lebih luas lagi, negara-negara Islam perlu menilai diri sendiri dan lihat kedudukan mereka dalam trend globalisasi dan peliberalan perdagangan.

"Kita perlu melihat, mengapa dan di mana terdapat kelemahan, apa yang perlu dilakukan untuk merapatkan hubungan dunia Islam dan bagaimana ia harus dilakukan," kata beliau lagi.

Langkah pertama, katanya ialah keazaman dan keinginan murni untuk menyatukan usaha-usaha bagi membina dan memajukan Ummah dan ini diikuti dengan mengatasi jurang maklumat yang luas antara negara-negara Islam.

Apabila maklumat mengenai apa yang boleh ditawarkan dan diperlukan oleh setiap negara Islam, berhubung eksport, import, pelaburan, pemindahan teknologi, pengetahuan dan yang lain dapat dirangkaikan, negara-negara itu akan berada dalam kedudukan lebih baik untuk mengetahui akan keperluan mereka dan memenuhinya dari dalam dunia Islam.

Buat masa ini, pasaran Islam dikatakan bernilai AS\$1.3 bilion setiap hari.

Dan untuk mencapai kerjasama ekonomi yang perlu, Aqeel berkata medium utama ialah sektor swasta.

Sementara itu, ICCI, ialah sebuah badan bersekutu Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang mewakili sektor swasta.

ICCI mengadakan Mesyuarat Sektor Swasta setiap tahun sejak 1994 dan Aqeel berkata, sesi berikut di Doha, Qatar, adalah penting kerana satu lagi badan bersekutu OIC, iaitu Kerjasama Islam Bagi Pembangunan Sektor Swasta (ICD) akan berada di situ untuk membantu ahli-ahli perniagaan melalui dialog.

Beliau berkata, antara pencapaian melalui mesyuarat-mesyuarat sektor swasta ini ialah pembinaan loji tenaga bernilai AS\$7 juta yang diusahakan bersama oleh Pakistan dan Iran.

Yang lain termasuk perjanjian kerjasama teknikal dengan Mesir dan Iran dengan wang yang disumbangkan oleh kedua-dua negara digunakan untuk melatih kakitangan daripada negara-negara Islam yang kurang maju.

Sementara itu, Pameran Perdagangan Islam kelapan juga akan diadakan sempena mesyuarat Doha Oktober ini.

Dr El Hassane Hzaine, pengarah kajian dan latihan daripada Pusat Islam bagi Pembangunan Perdagangan berkata, pameran perdagangan itu adalah untuk mempertingkatkan lagi hubungan antara perniagaan-perniagaan di samping menilai potensi perdagangan di kalangan negara-negara Islam.

Beliau berkata, antara sektor yang dikenal pasti dengan potensi besar bagi perdagangan ialah produk makanan pertanian dan produk halal.

-- BERNAMA

SHO PR